



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MOTAC)

PEMBATALAN LESEN SYARIKAT AL AISY TRAVEL & TOUR SDN. BHD.
(NO.LESEN : MOTAC L/N/10870)

Selaras dengan Seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah memutuskan untuk membatalkan lesen **Syarikat Al Aisy Travel & Tour Sdn. Bhd. [202301002565 (1496484 - U)]** (“Syarikat”) (No. Lesen : **MOTAC L/N/10870**) berkuat kuasa mulai **31 Mac 2026**.

Pembatalan lesen ini adalah kerana **Syarikat didapati telah gagal**:

- (i) membuat tempahan terlebih dahulu bagi kemudahan penginapan dan pengangkutan di Madinah seperti dalam jadual pakej umrah atau ziarah;
- (ii) mengikut jadual perjalanan pelancongan; dan
- (iii) menyediakan tiket penerbangan pulang ke Malaysia 36 jemaah umrah sehingga menyebabkan jemaah tersebut terkandas di Madinah, Arab Saudi.

Tindakan Syarikat ini membuktikan bahawa Syarikat:

- (i) telah gagal untuk mematuhi apa-apa obligasi yang dikenakan ke atas Syarikat dan melanggar syarat yang dikenakan di bawah lesen sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 8(1)(a) dan (b) Akta 482; dan
- (ii) menjalankan perniagaannya mengikut cara yang memudaratkan kepentingan orang awam, industri pelancongan atau ekonomi negara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 8(1)(d) Akta 482

Keadaan ini telah menimbulkan risiko keselamatan, tekanan kewangan serta gangguan perjalanan ibadah terhadap jemaah umrah, sekali gus menimbulkan keraguan terhadap kredibiliti dan integriti Syarikat serta merosakkan keyakinan awam terhadap industri pelancongan secara keseluruhan.

MOTAC tidak akan berkompromi terhadap pelanggaran peruntukan undang-undang oleh perusahaan pelancongan berlesen demi menjaga kebajikan dan kepentingan rakyat Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PESURUHJAYA PELANCONGAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
20 April 2026**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**
Tel : 03-8891 7197 | Fax : 03-8891 7181
Laman web : www.motac.gov.my | E-mel : group.ukk@motac.gov.my
Media Sosial - Facebook, Instagram, X & TikTok : @mymotac

